KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

Utusan 15.1 2022_8

TNB potong bekalan elektrik kerana diminta mahkamah

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memaklumkan tindakan pihaknya memotong bekalan elektrik di Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar di Lencongan Barat, Sungai Petani berikutan permintaan Mahkamah Tinggi Alor Setar.

Menurut TNB, pemotongan bekalan tenaga elektrik di premis-premis yang dibina di hartanah tersebut bermula 3 Januari lalu bagi menyempurnakan Writ Pemilikan Kosong yang dikeluarkan mahkamah tersebut.

"Untuk makluman semua, TNB sentiasa mematuhi proses dan prosedur pemotongan bekalan mengikut Akta Bekalan ElektrIk 1990.

"Bagi kes di Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar, Sungai Petani, Kedah, pada 30 Disember lepas, pihak TNB telah diminta oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar untuk menghentikan pembekalan tenaga elektrik di premis-premis yang dibina di hartanah tersebut bermula 3 Januari lalu bagi menyempurnakan Writ Pemilikan Kosong yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar di atas permohonan yang dibuat oleh pemilik hartanah berkenaan.

"Proses pemotongan bekalan elektrik di premis-premis yang terlibat telah dilaksanakan mengikut prosedur yang teratur dan turut dihadiri oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pegawai Mahkamah Tinggi Alor Setar," katanya.

Selasa lepas, *Utusan Malaysia* melaporkan, penduduk kampung tersebut kecewa dengan tindakan TNB dan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) memotong bekalan elektrik serta air.

Pengerusi Bertindak Kampung Baru Pulau Tiga, Suheme Hashim berkata, penduduk terkejut apabila TNB dan SADA memotong bekalan elektrik dan air di rumah mereka.